

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang [ Marang ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan aspek pengurusan FELDA menepati hukum syarak khususnya dalam isu hutang, ansuran ladang dan kaedah pembelian sawit.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi yang mempunyai lebih 90% komuniti Muslim dari kalangan petugas dan peneroka, FELDA menyedari pentingnya mendokong prinsip syarak dalam aspek pengurusannya. Pelbagai pendekatan telah diambil bagi memastikan warga peneroka khususnya memahami konsep patuh syariah dalam kehidupan harian dengan mengadakan kerjasama antaranya dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Wasatiyah Malaysia (IWM) bagi memberi kesedaran pentingnya penerapan *Maqasid Syariah*.

Justeru itu, FELDA berusaha menambahbaik pengurusannya agar seiring dengan prinsip syarak antaranya tiada kadar faedah yang dikenakan bagi hutang pinjaman pembesaran rumah peneroka, hutang insentif usahawan FELDA serta hutang pendidikan.

Selain itu, FELDA sedang mengeluarkan penyata hutang yang terperinci kepada setiap peneroka agar peneroka lebih jelas berkenaan jumlah hutang yang perlu dibayar serta tempoh penyelesaiannya. FELDA juga sedang mengkaji semula perjanjian tanam semula atau pembangunan kebun bagi memastikan perjanjian yang dikenakan adalah selaras dengan prinsip syarak.

Sekian. Terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [  
DARIPADA MARANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengekalkan tulisan jawi dalam sistem pendidikan Malaysia dan apakah contoh program-program yang telah dilakukan di peringkat sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk memperkasakan tulisan jawi di institusi pendidikan peringkat rendah dan menengah, antaranya:

- a. Membina modul pemulihan jawi dengan lebih mudah dan menarik untuk murid-murid yang lemah jawi;
- b. Pendekatan baharu Program j-QAF untuk memulih murid yang lemah bukan melalui kelas pemulihan tetapi melalui Kem Pemulihan Jawi yang dirancang dan diatur dengan lebih sistematik;
- c. Salah satu item soalan Pendidikan Islam dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkaitan secara langsung dengan kemahiran dan penguasaan dalam tulisan jawi;
- d. Jawapan untuk mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, dan Pendidikan Quran dan Sunnah peringkat SPM dalam tulisan jawi; dan
- e. Buku Teks Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan Quran dan Sunnah dikekalkan dalam tulisan jawi.